

July 2018



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

76th ISSUE

info kampus

UITM SARAWAK BULLETIN



ISSN 2232-1578



9772232157005

MOU UiTM CAWANGAN SARAWAK BERSAMA TM DAN ENNOVA

Oleh: Ardiana Mazwa Raudah binti Hj. Amir Abdullah



Pada 12 April 2018, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sarawak telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama Ennova Sdn. Bhd. dan Telekom Malaysia (TM) Bhd. di Big Data Lab (Makmal Dataraya), UiTM Cawangan Sarawak, Kampus Samarahan 2.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Rektor UiTM Cawangan Sarawak, YBhg. Profesor Dato Dr. Jamil Haji Hamali dengan Encik Mohd Hakimi Yaakop dari pihak Ennova dan Encik Jafer Sadig Abdul Lathiff bagi pihak TM Sarawak.

Menurut YBhg. Profesor Dato Dr. Jamil Hj Hamli, objektif MoU ini adalah untuk menggalakkan pembangunan bidang akademik, kebudayaan dan penyelidikan di antara ketiga-tiga pihak atas dasar keuntungan bersama dan saksama. Bidang kerjasama yang akan diadakan termasuklah merangka dan melaksana Program Pendidikan dan Latihan kepada graduan UiTM Cawangan Sarawak khususnya dalam bidang Diploma Kejuruteraan Elektrik, Diploma Teknologi Maklumat dan Diploma Sains Komputer.

Selain dari itu, ketiga-tiga pihak ini juga akan berkerjasama dalam mendapatkan dana serta mengumpulkan data syarikat-syarikat yang ingin menjadi peserta bagi Program Pendidikan dan Latihan. TM dan Ennova juga akan berkerjasama dengan UiTM Cawangan Sarawak dalam membantu penempatan pekerjaan bagi para pelajar yang tamat mengikuti Program Pendidikan dan Latihan itu nanti.

Turut hadir ke majlis menandatangani perjanjian tersebut adalah Profesor Madya Dr. Firdaus Abdullah, Timbalan Rektor Hal Ehwal Akademik, Profesor Madya Dr. Rasidah Mahdi, Timbalan Rektor Penyelidikan dan Jaringan Industri, Dr. Hasmah Mohidin, Penolong Rektor Kampus Samarahan 2, Puan Fauziah Ahmad, Pengurus Latihan dan Pembangunan Ennova Sdn. Bhd., Encik Abdul Rahman Taha, Penolong Pengurus Besar TM Sarawak, ketua-ketua bahagian dan wakil-wakil dari ketiga-tiga agensi yang terlibat.

Jahniiah
kepada semua pensyarah
yang mendapat kenaikan
pangkat pensyarah kanan
(DM52)
pada 12 April 2018





UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Corporate Communications and International Relations Unit

**Universiti Teknologi MARA Cawangan Sarawak
Blok Pentadbiran, Kampus Samarahan 2
Jalan Datuk Mohd Musa
94300 Kota Samarahan
Sarawak, Malaysia**

**Tel: 082 - 678 130 | Fax: 082 - 678 110
E-mail: korporat_swk@uitm.edu.my
www.sarawak.uitm.edu.my**